

Headline	Find integrity perception (Mencari persepsi integriti...)		
Date	14. Aug 2007	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	10
Section	Dlm Negeri	Article Size	537 cm ²
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Full Color



Mencari persepsi integriti

Malaysia sekarang berada di peringkat CPI

5.0 dan apabila semakin ramai yang memperkatakan tentang integriti atau amalan rasuah di negara kita ia jelas menunjukkan keterbukaan masyarakat untuk melihat isu tersebut diselesaikan



DR. MOHD. TAP SALLEH

**Oleh NORAINI ABDUL RAZAK
(WARTAWAN UTUSAN)**

"MULAI 27 Ogos ini jika pintu rumah anda diketuk dan anda diminta memperuntukkan 20 minit untuk menjawab soalan berhubung integriti, silalah beri kerjasama.

"Jawapan yang diberi juga hendaklah ikhlas," kata Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Dr. Mohd. Tap Salleh.

Beliau merujuk kepada Kajian Persepsi Integriti Nasional yang akan bermula pada tarikh tersebut bagi menentukan di mana sebenarnya tahap integriti di kalangan masyarakat di negara ini. Beliau berkata, kaji selidik yang akan berakhir pada Oktober depan itu penting untuk menentukan sejauh mana sasaran Tekad 2008 yang mengandungi lima elemen utama berjaya dicapai. Ia merupakan fasa pertama pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dibentangkan oleh kerajaan bagi menyokong usaha mewujudkan masyarakat berintegriti dengan nilai-nilai Malaysia.

Elemen tersebut ialah persepsi indeks integriti nasional berkenaan rasuah, penyampaian perkhidmatan awam, indeks persepsi etika perniagaan dan tanggungjawab sosial, indeks persepsi kemantapan institusi keluarga dan komuniti dan indeks persepsi kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Mohd. Tap menarik perhatian mengenai penambahan satu lagi elemen iaitu budi bahasa yang diminta oleh Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan agar turut dimasukkan dalam kaji selidik itu.

Beliau berkata, kaji selidik itu dijalankan oleh IIM dengan kerjasama Jabatan Statistik tanpa melibatkan pihak universiti, pengkaji atau mana-mana akademik.

"Kita telah mengadakan beberapa perbincangan meja bulat dengan kumpulan yang terlibat dengan kelima-lima indeks atau tekad ini untuk menentukan apakah tahap 'kesihatan' masyarakat Malaysia," katanya.

Mohd. Tap menjangkakan kaji selidik itu melibatkan 20,000 responden dan masyarakat diminta supaya bersedia

memberikan kerjasama dan menjawab seikhlas-ikhlasnya setiap soalan yang dikemukakan.

Menurut beliau, ini adalah kali pertama kaji selidik seumpamanya dijalankan untuk menentukan sama ada masyarakat di negara kita berintegriti dari kaca mata rakyat di negara ini.

"Satu daripada soalan yang kita akan tanya ialah cadangan mereka untuk menambah baik, misalnya dia kata perkhidmatan awam kurang memuaskan kerana mungkin lama menunggu jawapan atau perkhidmatan lewat.

Cadangan

"Oleh itu kita akan tanya kepada responden apakah cadangan untuk memperbaiki dengan harapan kita akan mempunyai cadangan yang dapat dikemukakan kepada kerajaan bahawa inilah masalah-masalahnya serta cadangan untuk menyelesaikan masalah tersebut," katanya.

Mohd. Tap menyifatkan soalan-soalan kaji selidik itu adalah yang terbaik untuk mengukur tahap integriti di kalangan masyarakat di negara ini.

Katanya, khidmat pakar-pakar daripada pihak IIM, Badan Pencegah Rasuah, Polis Diraja

Malaysia serta ahli-ahli akademik digunakan untuk merangka soalan-soalan paling mantap untuk dikemukakan kepada responden.

Paling penting ialah keyakinan IIM bahawa menerusi kaji selidik itu pihaknya akan mendapat maklum balas daripada masyarakat mengenai persepsi tahap rasuah, pemahaman mengenai rasuah, pelaksanaan pencegahan rasuah serta beberapa persoalan lain.

Beliau menegaskan, jawapan-jawapan tersebut akan dirangkum dan diolah untuk mendapatkan persepsi indeks rasuah di negara ini.

"Jika dibuat perbandingan dapatan kajian Transparency International misalnya, Indeks Persepsi Rasuah di negara kita mencatatkan sedikit penurunan, namun ada yang melihat bacaan tersebut mungkin menggunakan kaedah yang tidak betul atau ada muslihat di sebaliknya," katanya.

Justeru, menurut beliau, hasil kaji selidik itu kelak akan membolehkan kita mempunyai CPI sendiri yang menunjukkan sama ada keadaan kita teruk atau sebaliknya.

Di pihaknya, Mohd. Tap berkata, jika Malaysia berada satu paras dengan Singapura sekalipun, ia masih membimbangkan dan timbul persoalan mengapa kita tidak boleh menjadi

Headline
Date
Media Title

Find integrity perception (Mencari persepsi integriti)
14. Aug 2007
Utusan Malaysia

seperti Finland yang terbaik sekali CPInya.

Beliau berkata, Malaysia sekarang berada di peringkat CPI 5.0 dan apabila semakin ramai yang memperkatakan tentang integriti atau amalan rasuah di negara kita ia jelas menunjukkan keterbukaan masyarakat untuk melihat isu tersebut di selesaikan.

“Pada saya bagus kerana ini akan menjadikan orang yang terfikir untuk menyalahgunakan kuasa akan berfikir dua kali,” katanya.

Katanya, gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa bukanlah sesuatu yang boleh disorok di belakang dinding dengan mengatakan kita tidak mempunyai masalah tersebut.

Terbuka

Oleh itu, beliau berkata, laporan mengenai kes-kes rasuah oleh pihak media bukan memberi gambaran bahawa tahap rasuah semakin meningkat sebaliknya orang ramai semakin terbuka memperkatakan hal tersebut dan ia bukan sesuatu yang perlu disembunyikan oleh pihak berkuasa.

“Apabila banyak laporan mengenai kes-kes rasuah ia mengundang persepsi bahawa tahap rasuah di negara kita teruk, bagi saya seorang melakukan rasuah pun sudah teruk,” katanya.

Beliau berkata, integriti bukan sekadar tentang rasuah semata-mata sebaliknya ia turut menyentuh isu-isu kekeluargaan yang jika tidak ditangani akan meleret pula pada gejala sosial yang kelak meruntuhkan masyarakat.

Menurut Mohd. Tap hasil kaji selidik itu akan dibentangkan pada Mac tahun depan iaitu selepas empat tahun IIM ditubuhkan untuk melihat sejauh mana Tekad 2008 berjaya dicapai.

Headline Find integrity perception (Mencari persepsi integriti)
Date 14. Aug 2007
Media Title Utusan Malaysia

Jika pembentangan itu kelak menunjukkan Tekad 2008 tidak kesampaian sepenuhnya ia bukan bermakna PIN gagal sama sekali.

"Kita punya harapan bahawa dalam masa lima tahun kita akan mencapai sasaran kita tetapi jika kita tidak mencapai kita dah ada jawapannya, apa masalahnya dan apa yang perlu diubah suai dari segi polisinya," katanya.

Mengenai kerjasama sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menjayakan PIN, katanya, setakat ini beliau berpuas hati dengan sambutan yang diterima.

Malah, katanya, ada beberapa syarikat seperti Amanah Raya Berhad, KUB dan MIMOS telah mengadakan memorandum persefahaman dengan IIM untuk mewujudkan PIN dalam syarikat itu sendiri.

Suruhanjaya Komunikasi misalnya juga telah berbincang dengan IIM untuk menjalin kerjasama bagi mewujudkan PIN dalam syarikat-syarikat telekomunikasi di negara ini.

"Mereka sedar integriti bukan masalah kita atau kerajaan semata-mata, sebab itu kebanyakannya syarikat kini prihatin menerapkan nilai-nilai integriti termasuk dalam anugerah yang diperkenalkan."

"Bursa Malaysia, Khazanah Nasional misalnya telah mengeluarkan *The Silver Book* untuk menerapkan tanggungjawab sosial kepada semua syarikat di bawah Khazanah dan yang tersenarai di Bursa Malaysia," katanya.

Mohd. Tap mengakhiri pertemuan baru-baru ini dengan memberitahu bahawa peranan masyarakat penting untuk membantu membetulkan keadaan terutama selepas 50 tahun menikmati kemerdekaan tiada alasan untuk kita membiarkan gejala rasuah merosakkan agenda pembangunan yang telah direncanakan dengan begitu tersusun.